

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Jumaat, 26 Mei 2023**



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA**  
**BAGI INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI,**  
**MALAYSIA, APRIL 2023**

---

**Indeks Nilai Seunit Eksport & Import masing-masing menyusut**  
**0.5 peratus dan 0.8 peratus pada April 2023**

**PUTRAJAYA, 26 MEI 2023** – Harga eksport Malaysia pada April 2023, merekodkan penurunan 0.5 peratus daripada 142.6 mata pada bulan sebelumnya kepada 141.9 mata. Sementara itu, indeks nilai seunit import turut menyusut 0.8 peratus daripada 129.2 mata kepada 128.2 mata. Berikutan itu, terma perdagangan Malaysia menunjukkan kenaikan 0.3 peratus bulan ke bulan kepada 110.7 mata pada April 2023, sebagaimana dipaparkan oleh laporan **INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI (2010=100), April 2023** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik indeks nilai seunit dan indeks volum mengikut seksyen bagi eksport dan import barangan.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, “Indeks nilai seunit eksport menurun 0.5 peratus pada April 2023 berbanding bulan sebelumnya, disumbangkan oleh kejatuhan indeks minyak galian (-4.3%), barang-barang keluaran kilang (-0.3%) dan minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (-0.3%). Selain itu, indeks volum eksport merosot 18.3 peratus pada bulan yang sama, selaras dengan penurunan indeks pelbagai barang keluaran kilang (-29.3%), minyak galian (-16.6%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-16.2%). Indeks volum eksport pelarasan bermusim merosot 17.2 peratus

daripada 165.1 mata kepada 136.6 mata. Merujuk kepada perbandingan tahunan, indeks nilai seunit eksport menyusut 0.8 peratus, manakala indeks volum merosot 16.7 peratus.”


Indeks nilai seunit import turut menurun pada April 2023 dengan 0.8 peratus, disumbangkan oleh kejatuhan indeks alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-2.5%), bahan kimia (-0.3%) dan barang-barang keluaran kilang (-0.1%). Indeks volum import menunjukkan penyusutan 9.4 peratus pada April 2023 berbanding bulan sebelum, disumbangkan oleh penurunan indeks pelbagai barang keluaran kilang (-19.2%), barang-barang keluaran kilang (-9.7%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-8.1%). Indeks volum import pelarasan bermusim menyusut 10.3 peratus daripada 175.6 mata kepada 157.5 mata. Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan indeks nilai seunit import jatuh 0.6 peratus, manakala indeks volum merosot 10.4 peratus.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) turut melaporkan terma perdagangan Malaysia meningkat 0.3 peratus bulan ke bulan kepada 110.7 mata pada April 2023, didorong oleh kenaikan indeks alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+3.9%), bahan mentah tidak boleh dimakan (+1.3%) dan makanan (+0.3%). Terma perdagangan Malaysia menyusut 0.2 peratus tahun ke tahun daripada 110.9 mata pada April tahun lalu.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Connecting the World with Data We Can Trust”.



**Carta 1: Peratus Perubahan Bulan ke Bulan bagi Indeks Nilai Seunit Eksport & Import  
Januari 2021 – April 2023**

Dikeluarkan oleh:

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**26 MEI 2023**

*Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, May 26<sup>th</sup> 2023*



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT  
FOR EXTERNAL TRADE INDICES,  
MALAYSIA, APRIL 2023**

---

***Both Export & Import Unit Value Indices decreased by  
0.5 per cent and 0.8 per cent in April 2023***

**PUTRAJAYA, MAY 26, 2023** – Malaysia's export prices in April 2023 recorded a decline of 0.5 per cent from 142.6 points in the preceding month to 141.9 points. Meanwhile, import unit value index also shrank 0.8 per cent from 129.2 points to 128.2 points. Accordingly, Malaysia's terms of trade showed an increase of 0.3 per cent month-on-month to 110.7 points in April 2023 as reported today in **EXTERNAL TRADE INDICES (2010=100), April 2023**. This publication presents the unit value and volume index by sections for both exports and imports of goods.

According to the Department of Statistics Malaysia, "The export unit value index decreased by 0.5 per cent in April 2023 as compared to the previous month, attributed from the fall in the index of mineral fuels (-4.3%), manufactured goods (-0.3%) and animal & vegetable oils & fats (-0.3%). Besides that, the export volume index declined by 18.3 per cent in the same month, in line with the decrease in the index of miscellaneous manufactured articles (-29.3%), mineral fuels (-16.6%) and machinery & transport equipment (-16.2%). The seasonally adjusted export volume index plummeted by 17.2 per cent from 165.1 points

*to 136.6 points. On an annual comparison, the export unit value index fell 0.8 per cent while the volume index declined 16.7 per cent.”*


*The import unit value index also decreased in April 2023 by 0.8 per cent, contributed by the decrease in the index of machinery & transport equipment (-2.5%), chemicals (-0.3%) and manufactured goods (-0.1%). The import volume index showed a shrinkage of 9.4 per cent in April 2023 as compared to the previous month, attributed from the decrease in the index of miscellaneous manufactured articles (-19.2%), manufactured goods (-9.7%) and machinery & transport equipment (-8.1%). The seasonally adjusted import volume index decreased by 10.3 per cent from 175.6 points to 157.5 points. On a year-on-year basis, the import unit value index fell 0.6 per cent, while the volume index declined by 10.4 per cent.*

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) also reported Malaysia’s terms of trade rose by 0.3 per cent month-on-month to 110.7 points in April 2023, in accordance with the increase in the index of machinery & transport equipment (+3.9%), inedible crude materials (+1.3%) and food (+0.3%). Malaysia’s terms of trade decreased by 0.2 per cent year-on-year from 110.9 points in April of previous year.*

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents to provide information and ensuring the success of this census. Please visit [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) for more information.*

*DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.*

*Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Connecting the World with Data We Can Trust”.*



**Chart 1: Month-on-Month Percentage Change of Export & Import Unit Value Indices**  
**January 2021 – April 2023**

Released by:

**DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA**

**26 MAY 2023**